



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**ISNIN / 10 DISEMBER 2018**

- 1. PULANG DARI LAUT TANGAN KOSONG**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 2. NELAYAN TUNTUT JAMINAN KERAJAAN PH**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. LPP CADANG JUAL HASIL PERTANIAN SECARA DIGITAL**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 4. KRDAH TUMPU PERIKANAN TUNA**
  - **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

(MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 DISEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

## Pulang dari laut tangan kosong

**PULAU PINANG 10 Dis.** - Turun awal pagi, pulang lewat petang, namun balik dengan tangan kosong. Itulah situasi dialami lebih 400 komuniti nelayan di Sungai Batu, Teluk Kumbar di sini ketika ini setiap kali turun ke laut.

Situasi bertambah perit sejak beberapa bulan kebelakangan ini berikutan keadaan laut bergelora serta berbahaya.

Akibatnya, ratusan bot dan sampan serta alat kelengkapan menangkap ikan dapat dilihat tersadai di jeti-jeti sekitar kawasan itu.

Seorang nelayan, **Mohd. Zain Mohd. Hashim**, 52, keperitan hidup lebih dirasai golongan nelayan ketika ini selepas beberapa bulan tidak dapat turun ke laut disebabkan faktor cuaca tidak menentu.

Menurutnya, bukan perkara asing lagi buat nelayan untuk pulang tanpa sebarang hasil tangkapan meskipun seharian berada di tengah laut.

"Keadaan ini membuatkan kami buntu kerana kami mempunyai keluarga untuk disara," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Keresahan sama dikongsi seorang lagi nelayan, **Wan Chik Ramli**, 59, yang kini seolah-olah sudah berputus asa kerana sering pulang tanpa membawa sebarang hasil.

"Saya kena keluar modal kira-kira RM50 bagi kos minyak dan makanan setiap kali turun ke laut, namun modal yang dikeluarkan itu tidak dapat semula sebaliknya menanggung kerugian," jelasnya.

Bagi nelayan, **Azan Baharum**, 57, pula, hasil tangkapannya bulan lalu misalnya hanya kira-kira RM300 iaitu jauh lebih rendah berbanding antara RM400 hingga RM600 sehari sebelum ini.

"Apa sangat dapat dibuat dengan RM300 sebulan, belanja harian kami pun tidak lepas apatah lagi untuk membayar pelbagai komitmen lain," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, **Isfarulnizal Ishak**, 38, pula berharap kerajaan Pakatan Harapan (PH) menunaikan janji sebelum pilihan raya umum lalu untuk menaikkan Bantuan Elaun Sara Hidup (BESH) kepada RM500.



WAN CHIK RAMLI



AZAN BAHARUM



ISFARULNIZAL ISHAK



MOHD. ZAIN MOHD. HASHIM menunjukkan peralatan menangkap ikan terutama pukat milik nelayan yang kini tersadai di jeti nelayan Sungai Dua, Teluk Kumbar, Pulau Pinang, semalam.

# Nelayan tuntutan jaminan kerajaan PH

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 10 DIS.

KOMUNITI nelayan berharap kerajaan Pakatan Harapan (PH) dapat merungkai segera keresahan mereka terutama berhubung kelangsungan Bantuan Elaun Sara Hidup (BESH) yang dinikmati ketika ini.

Ini kerana, menurut Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang, Mahadi Md. Rodzi, golongan nelayan kini bimbang bantuan sebanyak RM300 itu tidak lagi akan dinikmati selepas akhir bulan ini.

Tambahnya, kebimbangan golongan itu berasas memandangkan bantuan berkenaan



langsung tidak disebut dalam Belanjawan 2019 sekali gus menyebabkan mereka beranggapan seolah-olah dipinggirkan oleh kerajaan.

"Sebab itu kita berharap kerajaan dapat memberi jaminan bantuan ini bukan sahaja diteruskan, malah dapat ditingkatkan sesuai dengan keadaan persekitaran ekonomi dan kos sara hidup semasa golongan nelayan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Mahadi yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Seberang Perai, selain elaun

bulanan itu, golongan nelayan juga berharap kerajaan memberi perhatian kepada bantuan bermusim khususnya ketika mereka tidak dapat turun ke laut berikutan beberapa faktor terutama perubahan musim yang menyebabkan laut bergelora.

Jelasnya, kerajaan boleh memberi bantuan berbentuk 'one-off' kepada golongan nelayan seperti sumbangan barang keperluan dapur bagi meringankan beban mereka.

"Bantuan-bantuan sebegini serta bantuan lain yang difikirkan wajar serta sesuai perlu diberikan bagi membuktikan kerajaan juga prihatin dengan nasib golongan itu dan mereka tidak terkeluar daripada perhatian kerajaan," katanya.

## KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN



MAZLAN ALIMAN (empat dari kanan) bersama-sama usahawan cendawan ketika melawat projek Saifullah Agro Farm, Parit Hassan, Benut, di Pontian, Johor, kelmarin.

# LPP cadang jual hasil pertanian secara digital

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
ekonomi@utusan.com.my

**PONTIAN 10 Dis.** - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bercadang mewujudkan konsep pemasaran hasil-hasil pertanian secara digital atau dalam talian yang popular ketika ini.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata, kaedah itu sudah dilakukan di negara jiran untuk pengguna mendapatkan pelbagai barangan dengan hanya melayari internet.

"Bagi tujuan tersebut, LPP akan mewujudkan *One Stop Centre* di Kuala Lumpur yang menjalankan peranan mengumpul semua hasil pertanian di negara ini.

"Cadangan ini diharap mampu membantu memasarkan produk-produk pertanian yang dikeluarkan peladang, petani dan nelayan

yang sukar mendapatkan pasaran pada ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat projek usahawan cendawan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Benut di Saifullah Agro Farm, Parit Hassan, Benut, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengarah LPP Johor, Abdul Jalil Bukhairah, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), Datuk Ali Shikh Ahmad, Pegawai Peladang Pontian/Kluang, Abd. Rahim Senawi dan Pengusaha Cendawan Saifullah Agro Farm, NoorSaiful Amri Suloh.

Mazlan berkata, pembelian barangan secara dalam talian ketika ini cukup popular dan tidak salah sekiranya LPP mengambil pendekatan yang sama menggunakan kaedah seperti itu.

"Contohnya produk madu ke-

lut yang banyak diusahakan petani, namun pengguna sukar untuk memperolehnya di pasaran, mungkin lebih mudah jika dipasarkan secara demikian.

"Jika ini berjaya diterjemahkan pengeluar juga akan mendapat faedah kerana produk mereka mendapat tempat dalam pasaran pada setiap hari melalui kaedah pemasaran ini," ujarnya.

Sementara itu, Mazlan meminta LPP membantu PPK negeri masing-masing supaya setiap pertubuhan mempunyai projek berdaya saing dan berjaya seperti mana yang dicapai PPK Kuala Langat, Selangor.

Katanya, kejayaan PPK Kuala Langat yang mengusahakan tanaman lada berskala besar telah membolehkannya memasarkan tanaman tersebut ke pasar raya dan usaha berkenaan sukar untuk dilakukan sebelum ini.

## Kedah tumpu perikanan tuna

*Kerajaan negeri akan jalinkan kerjasama strategik dengan syarikat swasta*

LANGKAWI

**K**erajaan Kedah akan menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat swasta bagi menubuhkan armada nelayan laut dalam 'Kedah Deepsea Fishing Fleet' (KDFF) khusus untuk penangkapan tuna.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerjasama dengan syarikat penangkapan tuna Luhaifeng Holdings (M) Sdn Bhd (LHF)

itu akan memanfaatkan permit penangkapan ikan tuna yang diperuntukkan kepada Malaysia oleh Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC).

"Setakat ini hanya 19 permit dimanfaatkan berbanding 135 yang diperuntukkan," katanya kepada pemberita selepas melawat kapal milik LHF yang berlabuh di Pelabuhan Tanjung Lembung, di sini, semalam.

Beliau berkata, menerusi kerjasama itu juga kerajaan negeri akan menghidupkan semula Projek Terminal Perikanan Bersepadu Kedah yang sebelum ini tertangguh dan akan dijadikan antara pusat pendaratan utama ikan tuna di negara ini.

Menurutnya, projek itu

info

Projek Terminal Perikanan Bersepadu Kedah akan dihidupkan semula

yang terletak di Kuala Kedah akan dinamakan semula sebagai projek Pembangunan Perikanan Agro Bersepadu Kedah-LHF (KIFD).

"KIFD akan menjadi satu nukleus yang terbesar di rantau ini dalam 'supply chain' ikan yang sumbernya dari Lautan Hindi dan kawasan sekelilingnya seperti bahagian barat Malaysia kepada pasaran yang terbesar di bahagian timur Malaysia," katanya. - Bernama



Mukhriz (tengah) melawat sebuah daripada enam kapal penangkapan tuna milik syarikat Luhaifeng Holdings (M) Sdn Bhd (LHF) sewaktu berlabuh di Pelabuhan Tanjung Lembung, semalam.